



Pandangan Dan Cadangan Kepada

Kementerian Pendidikan Malaysia

oleh

**Pertubuhan Ikram Malaysia
(IKRAM)**

11 Jun 2018

PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA (IKRAM)

9, Jalan SB4/1, Taman Sg Besi Indah, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
Tel: +603-8945 6999 • Faks: +603-8945 3666 • Emel: info@ikram.my • Laman Web: www.ikram.org.my

1. Mukaddimah

Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM) adalah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berorientasikan dakwah dan khidmat masyarakat.

Di antara pencapaian dan pengalaman IKRAM dalam dunia pendidikan ialah:

- a. IKRAM kini menaungi rangkaian 34 buah sekolah rendah dan 15 buah sekolah menengah swasta Islam seluruh Malaysia.
- b. IKRAM telah membangunkan sistem pendidikan dengan kurikulum Islam yang disepadukan dengan Kurikulum Kebangsaan.
- c. IKRAM juga telah membangunkan Sistem Pentaksiran Pelajar IKRAM Musleh (SPPIM) yang berasaskan sekolah dan *International Quality Range Assessment* (IQRA) sebagai ukuran kemenjadian murid.
- d. IKRAM juga telah membangunkan pasukan unit beruniform Kadet Remaja Sekolah MUSLEH (KRS MUSLEH) yang diterima sebagai Ahli Gabungan KRS Malaysia Peringkat Kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia sejak 21 Januari 2008. Dengan itu, KRS MUSLEH diberi autonomi untuk melaksanakan kursus kemahiran dan ujian kenaikan pangkat kepada pelajar dan guru serta pentadbir Sekolah-sekolah Rangkaian IKRAM Musleh dan Sekolah-sekolah Swasta. KRS MUSLEH juga diberi kebenaran untuk menganjurkan pelbagai aktiviti di semua peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- e. Di samping itu terdapat lebih 500 tenaga akademik IPTA/IPTS dalam kalangan ahli IKRAM yang digabungkan dalam wadah IKRAM Akademia.

Kertas ini merupakan pandangan IKRAM sebagai input kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. PENDIRIAN

- 2.1 IKRAM menyokong hasrat dan maksud Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Ini adalah kerana FPK memberi penekanan kepada proses pembangunan insan (murid dan mahasiswa) dan bukan sekadar proses pengajaran dan pembelajaran semata-mata.
- 2.2 IKRAM menyokong usaha KPM dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PBS bukan sahaja menilai apa yang dihasratkan oleh FPK dengan mempelbagaikan kaedah pentaksiran, tetapi pada masa yang sama memberi penekanan terhadap konsep pentaksiran yang lebih menyeluruh dan bersepadu.
- 2.3 IKRAM menyokong polisi dan program Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Usaha perlu ditingkatkan bagi melaksanakannya dengan lebih berkesan. dengan . IKRAM menolak usaha mengembalikan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) tetapi menerima *Dual Language Program* (DLP) di sekolah-sekolah yang telah memenuhi syaratnya dengan sempurna.
- 2.4 IKRAM berpandangan kewujudan sekolah-sekolah bukan kerajaan adalah baik dari segi memberikan pilihan dan akses. Namun IKRAM khuatir dengan kemungkinan sekolah-sekolah ini menjadi benteng dan tembok yang melebarkan jurang perkauman negara. Oleh itu, usaha perlu dibuat untuk menggalakkan semua sekolah bukan kerajaan melaksanakan Kurikulum Kebangsaan dan memenuhi kerangka FPK. Ini termasuk sekolah-sekolah swasta persendirian, sekolah persendirian Cina, maahad tahfiz dan seumpamanya.
- 2.5 IKRAM bersetuju agar *Unified Education Certificate* (UEC) diiktiraf untuk kemasukan ke Universiti awam dengan syarat pelajar mendapat kepujian di dalam Bahasa Melayu dan lulus Subjek Sejarah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kedua-dua subjek ini boleh diambil secara berasingan; tanpa melibatkan subjek-subjek lain.

3. HARAPAN

IKRAM mengharapkan pendidikan rendah dan menengah Malaysia pada masa hadapan:

- 3.1 Menjadikan FPK, dasar pendidikan bersepadu dan nilai merentasi kurikulum sebagai tonggak asas kepada pendidikan-kebangsaan.
- 3.2 Memberi tumpuan khas terhadap pembangunan sahsiah pelajar.
- 3.3 Menjadikan proses pendidikan suatu pengalaman yang menyeronokkan dan menggembirakan. *Learning is to be an enjoyable experience.*
- 3.4 Meletakkan nilai keunggulan pendidikan Islam, dalam konteks pembinaan sebuah negara yang progresif dan maju.
- 3.5 Memberi penekanan kepada unsur penghayatan nilai dan sikap.
- 3.6 Melihat pembangunan pendidikan dari perspektif negara Malaysia yang mempunyai kepelbagaian ras, pemikiran dan agama. Usaha-usaha meningkatkan perpaduan negara perlu dipertingkatkan.
- 3.7 Memberi perhatian dan bantuan kepada semua sekolah bukan kerajaan yang melaksanakan Kurikulum Kebangsaan dan memenuhi kerangka FPK.
- 3.8 Menilai semula Sistem peperiksaan awam yang *high-stake* dan *overcentralized*. Pentaksiran berasaskan sekolah seharusnya dikembangkan dan dijayakan dengan lebih berkesan serta mengekalkan kualiti pendidikan.
- 3.9 Menyediakan kemudahan infrastruktur pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan tuntutan perkembangan semasa pendidikan abad ke 21 (PAK21)
- 3.10 Mempunyai tarikh permulaan persekolahan dan cuti yang selaras dengan sesi pengajian di IPT.
- 3.11 Mengkaji semula silibus matapelajaran sejarah terutama dari aspek penjajahan dan perjuangan menuntut kemerdekaan.

IKRAM mengharapkan pendidikan tinggi Malaysia pada masa hadapan:

- 3.12 Menyediakan ekuiti dan akses kepada semua warga Malaysia.
- 3.13 Membangunkan Universiti sebagai gedung pembinaan ilmu dan minda intelek yang bebas.
- 3.14 Membangunkan mahasiswa yang bukan sekadar "*economic animal*" tetapi warga Malaysia yang bertanggungjawab kepada Penciptanya, kepada Negara dan kepada rakyat.

4. PANDANGAN MENGENAI MANIFESTO PAKATAN HARAPAN JANJI 49

1.	“...Insentif yang sesuai akan diberikan supaya lebih banyak sektor swasta melibatkan diri dalam membantu memperbaiki sekolah-sekolah kerajaan melalui program usahasama antara kerajaan dan sektor swasta (public private partnership) dan melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR)...”	IKRAM mencadangkan agar usaha ini melibatkan juga sekolah-sekolah bukan kerajaan yang menjalankan kurikulum kebangsaan dan berdaftar dengan KPM. Rasional: i. Sekolah-sekolah berkenaan menjadi komplementari kepada sekolah kerajaan, sekaligus mengurangkan beban di sekolah-sekolah kerajaan. ii. Bantuan sedemikian akan menggalakkan sekolah-sekolah bukan kerajaan untuk berdaftar dengan KPM dan melaksanakan kurikulum kebangsaan.
2.	“...program Sekolah Amanah yang kini berjalan dengan cara yang tidak optimum. Model Sekolah Amanah kini menaikkan kos pendidikan...”	IKRAM mencadangkan supaya tenaga pakar dari IPT tempatan digunakan, tanpa perlu merujuk kepada pakar luar negara, sekaligus menjimatkan kos.
3.	“...Bebanan tugas pentadbiran guru-guru...”	IKRAM mengesyorkan supaya yang dilantik membantu guru bukannya Teaching Assistant , tetapi Pembantu Tadbir kerana guru terbeban dengan kerja-kerja pentadbiran bukan pengajaran. Dicadangkan juga agar sekolah menggunakan khidmat sukarelawan ibu-bapa melalui PIBG dan pesara guru yang berpengalaman.
4.	“...Majlis Penasihat	IKRAM mencadangkan keanggotaan dan

	Pendidikan Kebangsaan...”	kepemimpinan Majlis adalah dinamik serta menggandingkan pelbagai latarbelakang dan pengalaman.
5.	“...Kualiti pendidikan sekolah agama, sekolah mubaligh dan sekolah jenis kebangsaan akan ditambahbaik...”	IKRAM mencadangkan peruntukan ini melibatkan juga sekolah bukan kerajaan yang melaksanakan kurikulum kebangsaan dan berdaftar dengan KPM.

5. PANDANGAN MENGENAI MANIFESTO PAKATAN HARAPAN JANJI 50

1.	“...Pendidikan Percuma...”	IKRAM yakin usaha ini boleh dijayakan secara berperingkat. Dicadangkan untuk tahap awal, diusahakan untuk memberikan pengecualian yuran pengajian peringkat prasiswazah sahaja bagi rakyat Malaysia. Yuran penginapan dan sara hidup ditanggung sendiri,kecuali untuk warga B40.
	“...Lembaga Pengarah Universiti akan diberi autonomi...”	Perlu pastikan Lembaga Pengarah Universiti berwibawa, profesional, berintegriti tanpa kecenderungan politik. <i>Green Playbook</i> dilaksanakan sepenuhnya.
	“...Pakatan Harapan akan mengiktiraf sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan syarat pemohon memiliki kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM...”	IKRAM bersetuju agar UEC diiktiraf untuk kemasukan ke IPTA dengan syarat pelajar mendapat kepujian di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) dan lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM. Rasional: 1. Bahasa pengantar di Sekolah-sekolah Persendirian Cina adalah Bahasa Cina. Mereka ada belajar Bahasa Melayu tetapi tempoh masa pengajarannya tidak sama dengan sekolah-sekolah kebangsaan. Lagipun, oleh kerana bahasa pergaulan di sekolah dan di rumah

		<p>adalah Bahasa Cina, mereka kurang mempunyai penguasaan dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, pelajar-pelajar lulusan UEC biasanya tidak fasih berbahasa Melayu.</p> <ol style="list-style-type: none">2. Silibus subjek sejarah yang diajar di Sekolah Cina berbeza dari silibus dalam KSSM. Seperti dimaklumi, pandangan seseorang tentang sejarah sangat penting untuk membina minda dan sikap terhadap peristiwa dalam sejarah negara. Oleh itu, adalah penting mereka memahami sejarah menurut naratif <i>negara</i>. Maka mereka perlu mengikuti PdPC subjek sejarah dan sekurang-kurangnya lulus di peringkat SPM.3. Lulus BM dan Sejarah merupakan syarat wajib untuk dapat sijil SPM. <p>Dalam masa yang sama, usaha untuk membawa UEC mematuhi kerangka keseluruhan FPK perlu diteruskan.</p>
--	--	---